

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (WARNA WARNI KEHIDUPAN)

TARIKH: 3 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: 19

Mandi sembur air bomba gembirakan peserta khatan

KUANTAN - Pada musim cuti persekolahan, khidmat kemasyarakatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sememangnya diperlukan bagi memriahkan program berkhatan beramai-ramai.

Kehadiran anggota berceloreng merah itu bukan sahaja dapat membantu meredakan ketakutan kanak-kanak, malah sedikit sebanyak memberikan kegembiraan dan keterujaan buat mereka.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Nor Hisham Mohamad berkata, acara mandi sembur air bomba untuk peserta khatan adalah ihsan JBPM sahaja dan ia bukanlah termasuk dalam tugas wajib anggota bomba.



Anggota bomba memandikan peserta khatan di Masjid Felda Sungai Koyan 1, Raub baru-baru ini.

"Ia sekadar memriahkan majlis dan salah satu aktiviti kemasyarakatan yang mendekatkan JBPM Pahang dengan komuniti setempat.

"Peluang bersama masyarakat ini juga digunakan JBPM untuk memberi kesedaran kepada kanak-kanak tentang mulianya tugas

dan kerjaya sebagai JBPM.

"JBPM bukan sekadar menyelamatkan tetapi menggembirakan mereka dan menjadi pemuahcara serta pelengkap majlis," katanya kepada *Sinar Harian* di sini baru-baru ini.

Menurutnya, pada tahun ini hampir kese-

luruhan balai di 11 daerah di Pahang menerima undangan untuk acara mandi sembur air bomba.

Namun, beliau berkata, bagi memenuhi undangan itu, pihaknya perlu menimbang kesesuaian lokasi iaitu berhampiran balai dan kesediaan jentera kedua agar tidak mengganggu perjalanan operasi mutlak JBPM.

"Terbaharu Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Koyan, Raub telah memriahkan majlis mandi sembur air bomba untuk seramai 30 kanak-kanak peserta khatan di Masjid Felda Sungai Koyan 1.

"Ia melibatkan seramai lima anggota bomba bagi memberikan khidmat kemasyarakatan tersebut," katanya.